



“Dak Lit ERA”

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	Astro Radio Sdn Bhd
2.	Stesen Radio	ERA
3.	Nama Peraduan	Dak Lit ERA
4.	Huraian Ringkas Peraduan/Rancangan	Pendengar yang menjadi pemanggil terpantas selepas mendengar isyarat memanggil dimainkan dan berjaya menjawab dengan betul akan berpeluang untuk memenangi wang tunai bernilai RM200.00. Pendengar boleh mendapatkan klu di Instastory laman sosial Instagram ERA
5.	Mekanisma ringkas Peraduan	a) Jadi pemanggil terpantas setelah mendengar isyarat memanggil di talian 03-9543 3355 b) Dengarkan lagu yang dimainkan. Kemudian, berikan judul lagu dan nama penyanyi lagu tersebut dengan betul untuk peluang menang wang tunai RM200.00
6.	Kriteria Kelayakan	Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 20 Ogos 2018
7.	Ketidaklayakan	Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: - a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan ini dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut; b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1000.00 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini; c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1001.00 - RM5000.00 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini; d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5001.00 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.
8.	Umur Kelayakan	Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 20 Ogos 2018
9.	Caj	Tertakluk kepada caj panggilan syarikat telekomunikasi masing-masing
10.	Tempoh Peraduan	20 Ogos 2018 hingga 31 Ogos 2018
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia
12.	Prosedur Penyertaan	Apabila isyarat memanggil ke udara, jadi pemanggil terpantas di talian 03-9543 3355
13.	Tarikh Tutup Penyertaan	31 Ogos 2018
14.	Cara Penghantaran	Melalui panggilan telefon ke talian 03-9543 3355
15.	Alamat	Astro Radio Sdn Bhd, All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
16.	Pemilihan Pemenang	Pemanggil terpantas yang berjaya memberikan judul lagu dan nama penyanyi lagu yang dimainkan dengan betul
17.	Hadiah	Wang tunai RM200.00
18.	Pemberitahuan Pemenang Peraduan	Nama pemenang akan diumumkan melalui radio dari pihak radio
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Akan diumumkan oleh pihak penganjur

	20. Tempat Pengambilan Hadiah	Akan diumumkan oleh pihak penganjur
	21. Terma-terma tambahan, jika ada	<p>TALIAN TERCICIR DAN TIDAK DAPAT DIHUBUNGI</p> <p>Peraduan melalui panggilan telefon</p> <p>Tiada liabiliti ditanggung oleh pihak Penganjur untuk komunikasi telefon yang tidak baik, salah arah / salah menelefon atau kesukaran teknikal yang dialami oleh pemanggil semasa panggilan masuk untuk Peraduan.</p> <p>Jika semasa dalam Peraduan: -</p> <ul style="list-style-type: none"> a) talian telefon terputus atau terganggu; atau b) terdapat pertikaian yang timbul daripada penggunaan talian-talian telefon di dalam Peraduan (termasuk di dalam situasi di mana telefon berbilang talian adalah digunakan); atau c) dua talian telefon terlintang semasa Peraduan; atau d) juruhebah tidak mendengar apa-apa maklum balas yang jelas daripada pemanggil. <p>Pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan kelayakan pemanggil atau pemanggil-pemanggil yang berkaitan atas apa-apa juga sebab, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pemberian Hadiah kepada pemanggil atau pemanggil-pemanggil tersebut, dan boleh memberikan Hadiah kepada orang lain mengikut budi bicara mutlaknya.</p> <p>Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuanian, kesilapan dan/atau kesalahan pihak Penganjur.</p> <p>Sekiranya transaksi pemindahan telegraf ke akaun bank Pemenang gagal disebabkan oleh informasi yang dibekalkan oleh Pemenang adalah tidak lengkap dan/atau salah, Penganjur merizabkan haknya untuk menolak RM10.00 daripada nilai Hadiah untuk setiap penghantaran-semula transaksi tersebut.</p> <p>Keputusan pihak penganjur dan juri adalah muktamad.</p>

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.